

16/08/2000

MB Selangor: PM menghadap hari ini?

KLANG, Selasa - Spekulasi berhubung pelantikan Menteri Besar bagi menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar yang meletak jawatan Khamis lalu, semakin kencang berikutan desas-desus mengatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bertemu Yang Dipertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, esok.

Beberapa pemimpin veteran Umno berkata, mereka percaya Perdana Menteri akan mengumumkan nama menteri besar baru dengan segera bagi mengelak lebih banyak spekulasi yang boleh menimbulkan ketegangan di kalangan calon dan juga anggota parti.

Tiga calon yang disebut-sebut untuk memegang jawatan itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Setinggan, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan, 56; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Penerangan dan Teknologi Maklumat, Mohd Sharif Jajang dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, 61, yang juga Timbalan Menteri Besar.

Sebelum ini, akhbar melaporkan 11 nama yang disenaraikan untuk jawatan menteri besar dihantar kepada Dr Mahathir untuk mengetuai negeri paling membangun di negara ini.

Abu Hassan yang menjadi Menteri Besar Selangor ke 13, meletak jawatan Khamis lalu selepas berkhidmat selama tiga tahun dua bulan.

Selain itu nama beberapa Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) turut menjadi perhatian pemerhati politik sebagai calon yang berkemungkinan dilantik.

Mereka adalah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perikanan, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad, 56; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, Belia dan Sukan, Datuk Abdul Fatah Iskandar, 44; Adun Batu Tiga dan Timbalan Speaker Datuk Salamon Selamat, 53; Adun Selat Klang, Datuk Zakaria Md Deros, 54; Adun Selayang Baru, Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman, 51; Adun Puchong, Datuk Mohamad Satim Diman, 46; Adun Hul Bernam Datuk Mohamed Idris Abu Bakar, 49, dan Adun Batang Kali Datuk Zainal Abidin Sakom, 50.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ambrin Buang, berkata semua tugas pentadbiran kerajaan negeri berjalan seperti biasa, termasuk persiapan menyambut Hari Kebangsaan ke-43, 31 Ogos ini.

Ambrin yang bertanggungjawab memantau semua program dan aktiviti yang akan berlangsung mulai Khamis ini, dijadual memberikan sidang akhbar, Jumaat ini, mengenai acara sambutan Hari Kemerdekaan yang akan berlangsung di Shah Alam.

Dalam pada itu, pejabat Berita Harian tidak putus-putus menerima panggilan telefon daripada orang ramai yang bertanyakan calon yang bakal menjadi Menteri Besar.

(END)